



Submission date: 04/06/2019

Accepted date: 01/09/2019

KEARIFAN TEMPATAN MENGENAI KAPUR BARUS (*CINNAMOMUM CAMPHORA*) MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN BUDAYA MASYARAKAT MELAYU ABAD KE 19M

Local Wisdom on Camphor (*Cinnamomum Camphora*) According to the Islamic and Cultural Perspective of Malay in the 19th Century

Muhammad Widus Sempo, Nurulwahidah Binti Fauzi, Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat, Norzulaili Mohd Ghazali
Universiti Sains Islam Malaysia

widus81@usim.edu.my

Abstrak

Pokok kapur barus (*Cinnamomum Camphora*) telah diperbahaskan dalam kajian akademik masa kini berkaitan dengan manfaat dan khasiatnya daripada pelbagai aspek kehidupan. Unikunya, pokok kapur barus ini tidak hanya dibicarakan mengenainya desawarsa ini, bahkan telah direkodkan sebagai salah satu komoditi perdagangan utama sehingga menjadi tunjang peristiwa dan tolak tarik di dalam proses perkembangan Islam di awal abad ke 14M di Nusantara. Kajian ini berusaha untuk mencapai tiga objektif utama, iaitu i) Menelusuri perbincangan tentang kapur barus menurut perspektif Al-Quran dan Sunah serta hubungan kait kapur barus dengan masyarakat Nusantara, ii) Mengkaji keutamaan kapur barus berdasarkan budaya kearifan tempatan masyarakat Melayu sebagaimana dirakamkan di dalam kitab perubatan Melayu dan iii) Menganalisa manfaat kapur barus (*Cinnamomum Camphora*) menurut kajian saintifik. Untuk mencapai ketiga-tiga objektif tersebut, penulis mengeluarkan data daripada ayat-ayat Al-Quran dan hadith-hadith yang berkaitan dengan kapur barus. Seterusnya, kearifan tempatan berkaitan penggunaan kapur barus dijana daripada manuskrip perubatan Melayu melalui kajian kualitatif. Kesemua sumber ini dianalisis melalui pendekatan induktif secara bersepadu untuk menzahirkan kefahaman yang lebih komprehensif. Hasil kajian mendapati bahawa kapur barus yang disebutkan dengan herba-herba tempatan dalam perubatan sudah lama diamalkan oleh masyarakat Melayu khususnya pada abad ke-19 M dan ini selari dengan amalan Islam yang merekodkan khasiat Kapur barus sepertimana dalam Al-Quran dan hadith.

Kata Kunci: kapur barus, manuskrip, perubatan, Melayu.

Abstract

Nowadays, Camphor (*Cinnamomum Camphora*) and its' benefits from various aspects of life has been explained scientifically by scholars. Interestingly, Camphor is reported as one of the major trading commodities and is a backbone of Islamic development in the early 14th century in the archipelago. This study seeks to achieve three main objectives: i) examining Quran and Prophetic Tradition's perspective on Camphor and its' relationship with the archipelago community, and ii) studying the local wisdom of Malay people related to Camphor inside Malay medical manuscripts, and iii) analyzing the benefits of Camphor according to scientific research. To achieve these three objectives, the authors extract data from Quranic verses and hadiths related to Camphor. Subsequently, local wisdom regarding the use of camphor is generated from Malay medical manuscripts. All of these sources are analyzed through a comprehensive study to present a deep understanding. The study found that camphor mixed with other herbs to treat illnesses has been practised long ago by the Malay community, especially in the 19th century, and this is in line with Islamic practices that showed the efficacy of camphor.

Keywords: *cinnamomum camphora*, manuscript, medical, Malay.

PENGENALAN

Istilah kearifan tempatan atau '*local indogenous*' yang ditujukan sebagai aktiviti berkaitan sosio budaya di antara masyarakat dan alam sekelilingnya telah giat diperbahaskan berabad lamanya di dalam dunia akademik. Variasi ulasan yang diperbahaskan oleh para sejarawan mendefinisikan bahawa kearifan tempatan ini merujuk kepada pengetahuan yang diperoleh dalam sesebuah masyarakat, komuniti mahupun seseorang individu berdasarkan kepada pengalaman serta pengumpulan jenis pengetahuan tertentu (Kamonthip, 2007). Pengalaman ini merujuk kepada tradisi yang berkaitan dengan aktiviti pertanian, penternakan, pembinaan rumah dan sebagainya yang diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain, selain daripada kebolehpayaan di dalam kreativiti mereka di dalam menggembelng alam semula jadi seumpama tumbuhan dan haiwan di dalam merawat penyakit yang berlegar dalam kehidupan mereka.

Kapur Barus (*Cinnanomom Camphora*) menjadi fokus perbahasan di dalam kajian ini bagi menelusuri pandangan masyarakat Nusantara khususnya di Tanah Melayu akan manfaat tumbuhan ini di dalam ritual budaya dan kearifan tempatan, sekaligus menilai sejarah hubung kait tumbuhan ini sebagai salah satu komoditi perdagangan yang terbesar yang di Nusantara sepanjang abad ke 14M sehingga menjadi faktor timbal balik di dalam membawa hubungan yang erat di dalam proses perkembangan Islam di wilayah Nusantara. Kajian ini sekaligus ingin mengupas kepercayaan masyarakat Melayu terhadap kapur barus melalui kaca mata Islam dan bagaimana

pula ia diaplikasikan sebagai *materia medica* untuk merawat penyakit yang wujud dalam kehidupan mereka pada lingkungan abad ke 19M.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini dengan pendekatan induktif yang diterajui oleh para pengkaji melakukan pembacaan terhadap teks-teks Al-Quran dan hadith serta manuskrip perubatan Melayu untuk mengumpulkan data berkaitan kapur barus. Kapur barus di dalam Al-Quran hanya sekali disebutkan, iaitu pada surah Al-Insan ayat 5. Adapun dalam hadith ditemukan kepelbagaian khasiat Kapur barus sebagai perisa minuman, pengawet semula jadi dan anti bakteria serta dapat membersihkan tubuh badan jenazah. Manuskrip perubatan Melayu turut menyebutkan khasiat perubatan yang menggunakan kapur barus yang telah disebatikan dengan herba-herba tempatan untuk mengubati pelbagai penyakit, seperti cirit-birit, sakit perut, cacingan dan orang pucat mukanya. Kesemua bahan-bahan ini dianalisis dan dihuraikan untuk menzahirkan kearifan lokal masyarakat Melayu berkaitan penggunaan kapur barus sebagai *materia medica* sepertimana berikut.

KAPUR BARUS DI DALAM SEBUTAN SEJARAH PERKEMBANGAN AGAMA ISLAM NUSANTARA

Sejarah telah membuktikan yang agama Islam telah berjaya tersebar luas dengan pelbagai cara di seluruh Nusantara, dan antara faktor utama yang mendorong penyebaran Islam ini berlaku adalah melalui laluan dan aktiviti perdagangan yang dianggarkan bermula sejak zaman Pheonesia dan Saba', Yaman melalui kapal-kapal Arab dan Persia yang berdagang ke Cina, seawal abad ke 7M lagi (Azra, 1994).

Beberapa lokasi penting yang sering disinggahi oleh para pedagang atau pendakwah Islam adalah di Melaka, Aceh, Brunei, Kepulauan Sumatera terutamanya di Barus. Komoditi utama yang sering menjadi pertukaran di antara para pedagang adalah kapur barus, yang mana secara tidak langsung telah mengundang masuknya agama Islam ke Nusantara pada masa awal Islam melalui para pedagang Arab yang telah memeluk Islam (Nurfaisal, 2013). Tumbuhan ini dicatatkan popular sebagai bahan awet utama yang telah diguna pakai bagi proses pengawetan raja-raja Mesir sejak awal Masehi lagi, selain menjadi antara tumbuhan yang disebut di dalam kitab suci al-Quran dan Injil (Nurfaisal, 2013). Selain itu, tumbuhan yang mempunyai aroma yang harum ini amat bermanfaat dan menjadi bahan utama di dalam rawatan perubatan masyarakat di sesetengah daerah Arab dan Persia (Puar, 1984).

Catatan sejarah merujuk mengenai kehadiran para pedagang di dalam urus niaga rempah ratus dan kapur barus ini disebut di dalam catatan sejarawan. Antaranya catatan Yusuf Abdullah Puar yang menyatakan daerah Kampar, Rokan dan

Inderagiri, Riau yang terkenal dengan hasil rempah-rempahnya seperti lada, kulit manis dan kapur barus. (Puar,1984).

Selain itu, dalam historiografi Indonesia disebutkan bahawa kapur barus juga menjadi barang dagangan Sumatera, Cina, India dan Timur Tengah seawal abad ke 7M (Drakard, 1988). Oleh kerana itu, Barus dijuluki “Kota Tua”, kerana Barus dulunya merupakan pelabuhan antarabangsa yang disinggahi berbagai suku bangsa dan pedagang di dunia untuk mendapatkan kapur barus dan rempah-rempah lainnya.

Setelah Islam datang, kapur barus terus menjadi bahan utama di dalam proses pemandian jenazah dan pengawetan mayat bagi jenazah yang beragama Islam. Beberapa pandangan daripada para ulama mengenai istilah *kafur* di dalam al-Quran dan aplikasi kapur barus menurut Hadith diperbahaskan, sehingga ia mempengaruhi budaya masyarakat Melayu di dalam amalan dan kaedah rawatan penyakit sekitar abad ke 19M.

KAPUR BARUS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Pokok kapur barus dikenali dengan nama botaninya *Cinnamomum camphora*, dengan keupayaan untuk menghasilkan kapur, iaitu bahan berwarna putih yang dapat dijadikan sebagai minyak wangi. Akar pokok barus, ranting, daun dan kayunya dapat menghasilkan ekstrak minyak kapur barus yang digunakan untuk keperluan *farmaseutikal* dan sebagai perisa (R. Singh & Jawaid, 2012).

Tumbuhan ini mempunyai taburan habitat di China, India, Mongolia, Japan, Taiwan dan mempunyai populasi terbesar di Sumatera Barat Indonesia dan Borneo, Malaysia. (Zuccarini, 2009). Oleh kerana pokok memiliki populasi yang banyak, nama sebuah wilayah di Sumatera ini di gelar sebagai wilayah Barus. Kapur Barus sebagai hasil dari pokok Kapur disebutkan di dalam al-Quran. Ini jelas menjadi bukti bahawa orang Arab telah berlayar ke Nusantara sebelum kelahiran Muhammad SAW (Hamka, 1998).

KAPUR DI DALAM AL-QURAN

Kapur hanya sekali disebutkan di dalam Al-Quran dengan perkataan *Kafuran* (كَافُورًا) seperti yang disebutkan di dalam surah Al-Insan ayat 5:

إِنَّ الْأَبْرَارَ يَشْرَبُونَ مِنْ كَأْسٍ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan kebajikan) akan meminum dari piala sejenis minuman yang bercampur dengan kapur (Basmeh, 2000).

Menjelaskan maksud perkataan *Kafuran* (كَافُورًا) pada ayat di atas, para ahli tafsir menyebutkan kepelbagaian tafsir seperti berikut:

Al-Tabari di dalam tafsir klasiknya berkata:

“Sifat minuman ahli syurga yang digambarkan di dalam ayat ini adalah minuman lazat daripada arak. Ini kerana kelazatan arak adalah masyhur oleh orang ramai, bahkan mereka berlumba-lumba mendapatkannya.

Perkataan *Al-Ka's* (الكأس) dalam ayat di atas bermaksud arak. Ini kerana kole dan sejenisnya tidak disebut sebagai *Al-Ka's* (الكأس) kecuali di dalamnya terdapat arak, bahkan terkadang arak disebut sebagai *Ka's* (كأس) dalam bentuk *majaz mursal*.

Arak yang ada di dalam kole dan sejenisnya perisanya adalah kapur barus. Kapur barus adalah ekstrak minyak yang terhasil daripada pokok yang menyerupai *Al-Difla* (الدِفْلَى) yang banyak tumbuh di kawasan Cina dan Pulau Jawa. Kapur barus ini terhasil selepas pokok kayu itu berusia kira-kira dua ratus tahun dengan cara memanaskan kayu api pokok tersebut. Kapur barus boleh membeku dan menjadi benda padat seperti mentega. Jika kayu api pokok tersebut jatuh di dalam air, maka air itu akan menjadi arak yang memabukkan. Kafur berwarna putih dan mempunyai bau yang harum.” (Al-Tabari, 2001).

Tafsir yang seterusnya ditulis pada abad ke-20 adalah tafsir Al-Tahrir Wa Al-Tanwir, karya Ibn Ashur. Mentafsirkan maksud perkataan *Kafuran* (كَافُورًا) dalam ayat di atas, beliau berkata:

*“Selain minuman di atas, ahli syurga turut dimuliakan dengan satu jenis minuman yang perisanya adalah kasturi sebagaimana yang dinyatakan di dalam sural Al-Mutaffifiin ayat 25. Orang Arab ada kalanya menaruh di dalam arak cabai kerana baunya yang harum dan rasa pedasnya yang panas. Sebahagian ahli tafsir berpandangan bahawa *Kafuran* (كَافُورًا) dalam ayat di atas bermaksud mata air yang ada di dalam syurga. Pendek kata, kapur adalah perisa yang dimasukkan ke dalam arak sebagai minuman ahli syurga yang berkekalan.”* (Ibn Asyur, 1984)

Tafsir yang menggunakan pendekatan tafsir saintifik yang ditulis pada abad ke-20 ini adalah *Al-Jawahir*, Karya Jawhari, Tantawi. Beliau di dalam tafsirnya berkata:

“Kole arak dicampur dengan perisa kapur barus kerana sifat sejuk, kesegaran dan bau harum dimilikinya. Difahami bahawa apa yang ada di dunia tidak ada di akhirat kecuali nama sahaja. Oleh itu, jika para ahli tafsir berkata bahawa kafur (كَافُور) adalah nama bagi mata air yang ada di syurga, airnya putih jernih, baunya harum dan sejuk, maka sesungguhnya mereka hanya mentafsirkan makna lafaz

sahaja. Ini kerana sifat syurga di luar daripada jangkauan pengetahuan manusia. Diketahui bahawa kafur tidak lazat diminum. Justeru, ia akan membawa mudarat jika diminum. Oleh itu, bahagian kafur yang dimaksudkan di dalam ayat ini adalah baunya yang harum dan rasa sejuk yang memberikan keselesaan bagi sesiapa yang minum.” (Jawhari, 1417h)

Nawawi Al-Bantani adalah seorang ahli tafsir daripada Alam Nusantara yang mempunyai kitab tafsir yang dikenali dengan *Marah Labid*. Beliau di dalam tafsirnya berkata:

“Arak tersebut dicampur dengan perisa mata air kapur barus. Perkataan Al-kapur (الكافور) adalah nama bagi mata air yang ada di syurga. Airnya putih jernih seperti putih kapur barus, baunya yang harum dan rasa sejuk yang menyegarkan. Sifat mata air tersebut tidak seperti sifat kafur dunia yang mempunyai mudarat dan rasa yang tidak lazat jika diminum.” (Nawawi Al-Bantani, t.th).

Ringkasnya, Kapur barus menerusi maksud perkataan *Kafuran* (كَافُورًا) di dalam ayat 5 surah Al-Insan yang ditafsirkan oleh ahli tafsir mempunyai gambaran seperti berikut:

- 1) Ahli syurga mempunyai pelbagai jenis minuman. Antaranya adalah minuman dengan perisa kapur barus.
- 2) Kapur barus sebagai perisa minuman ahli syurga adalah tidak sama sifatnya dengan sifat kapur barus yang dikenali orang ramai di dunia. Sebabnya, kapur barus yang ada sekarang mempunyai mudarat jika diminum secara berterusan. Ini mungkin kerana kapur barusnya telah disebatikan dengan bahan-bahan kimia. Adapun kapur barus asli yang belum disebatikan dengan mana-mana bahan kimia adalah baik dijadikan sebagai perisa minuman seperti perisa air nabis Baginda Nabi SAW.
- 3) Kapur barus mempunyai bau yang harum. Oleh itu, ia besesuaian menjadi perisa minuman ahli syurga. Justeru, sebahagian ahli tafsir berpandangan bahawa kapur barus adalah satu mata air bagi ahli syurga.

Berdasarkan daripada ulasan di dalam perkataan *kafur* di atas, dapat disimpulkan bahawa *kafur* yang dimaksudkan di dalam al-Quran tidak dapat disamakan dengan kapur barus yang ada di dunia, meskipun begitu jika dinilai dari sudut rasa dan baunya, ia berkemungkinan mempunyai persamaan. Analisa mengenai aplikasi kapur barus menurut pandangan Hadith diperjelaskan dengan lebih luas.

KAPUR BARUS DI DALAM HADITH

Kapur barus menurut pandangan Rasulullah SAW sebagaimana disebutkan di dalam hadith ditemui dapat merawat dan memberi manfaat tertentu kepada peggungannya, iaitu;

a. Membersihkan tubuh badan jenazah

Kapur barus diiktiraf sebagai salah satu badan utama untuk membersihkan tubuh badan jenazah ketika dimandikan. Rasulullah SAW sendiri telah melakukan hal yang sedemikian ketika jenazah anaknya, Zaenab dimandikan sebelum dikebumikan.

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ الْأَنْصَارِيَّةِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: دَخَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ تُوُفِّيتِ ابْنَتُهُ، فَقَالَ: «اغْسِلْنَهَا ثَلَاثًا، أَوْ خَمْسًا، أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ إِنْ رَأَيْتُنَّ ذَلِكَ، بِمَاءٍ وَسِدْرٍ، وَاجْعَلْنَ فِي الْأَجْرَةِ كَافُورًا - أَوْ شَيْبًا مِنْ كَافُورٍ - فَإِذَا فَرَعْتُنَّ فَأَدِينِي»، فَلَمَّا فَرَعْنَا آذَنَاهُ، فَأَعْطَانَا حَقْوَهُ، فَقَالَ: «أَشْعِرْنَهَا إِيَّاهُ» تَعْنِي إِزَارَهُ.

Daripada Ummi Atiyyah Al-Ansariyah, dia berkata, "Rasulullah SAW masuk kepada kami ketika anak perempuannya meninggal. Baginda berkata, "Mandikanlah dia tiga kali, atau lima kali, atau lebih daripada itu jika engkau melihat sesuatu kotoran dengan air dan bidara. Kemudian, mandikanlah dia untuk yang terakhir kali dengan kapur barus, atau sedikit daripada kapur barus. Jika kalian telah selesai memandikan, beritahu Aku." Ketika kami telah selesai memandikan, kami pun memberitahu Baginda, lalu dia memberikan kepada kami sarungnya dan berkata, "Pakaikan dia sarung ini!" (Al-Bukhari, 1422h, nombor hadith: 1253).

Hadith ini juga dikeluarkan oleh Muslim dengan riwayat yang sama daripada Ummi Atiyyah Al-Ansariyah. (Muslim, t.th, nombor hadith: 939).

b. Menjadi bahan pengawet semulajadi dan anti-bakteria

Kapur barus juga diterangkan mampu menjadi bahan yang mampu mengeras dan menyejukkan badan, mengusir virus, menghalang keluarnya kotoran daripada badan. Ia diperjelaskan oleh Ibn Hajar Al-Asqalani di dalam kitab beliau, iaitu:

Bau kapur barus yang harum bersesuaian dengan fitrah malaikat dan orang-orang beriman yang hadir ketika itu. Selain baunya yang harum, kapur barus dapat mengeringkan dan menyejukkan badan dengan segera, membuat keras badan, mengusir virus, menghalang keluarnya kotoran badan dalam bentuk cecair dan mencegah kerosakan badan. Kapur barus adalah pengharum yang paling kuat dengan bau yang harum yang dapat digunakan dalam memandikan mayat. Inilah rahsia kenapa kapur barus dimandikan ke atas tubuh mayat pada yang terakhir kalinya. Jika sekiranya ia dimandikan pada yang pertama kali, maka khasiatnya akan hilang oleh air. Soalannya, apakah miyak kasturi dapat menggantikan kapur

barus dalam hal ini? Jika dilihat dari khasiat bau, maka kasturi mempunyai khasiat yang sama dengan kapur barus. Tetapi, jika jika dilihat daripada sudut khasiat yang lain, maka kasturi tidak dapat menggantikan kapur barus. Walaupun demikian, jika kapur barus tidak dijumpai, maka ia boleh digantikan dengan sesuatu yang lain, meskipun ia mempunyai khasiat yang kurang berbanding khasiat kapur barus. (Ibn Hajar Al-Asqalani, 1379H)

c. Sebagai Pewangi

Turut dijumpai di dalam hadith khasiat lain bagi Kapur Barus sebagai minyak wangi. Kenyataan ini disebutkan Nafi' menerusi kaedah penggunaan minyak wangi yang pernah digunakan oleh Ibn Umar. Bahkan, Nafi' menyatakan bahawa demikianlah cara Baginda Nabi SAW menggunakan minyak wangi seperti yang dinyatakan di dalam hadith Ibn Umar di bawah ini:

وَعَنْ نَافِعٍ، قَالَ: «كَانَ ابْنُ عُمَرَ إِذَا اسْتَجْمَرَ اسْتَجْمَرَ بِاللَّوَةِ غَيْرَ مُطْرَأَةٍ، وَبِكَافُورٍ يَطْرَحُهُ مَعَ اللَّوَةِ، ثُمَّ قَالَ: هَكَذَا كَانَ يَسْتَجْمِرُ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ» - . رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Daripada Nafi', ia berkata, "Jika Ibn Umar menggunakan minyak wangi, maka dia menggunakan minyak gaharu yang tidak dicampur dengan minyak wangi lain (seperti kasturi). Terkadang juga Ibn Umar menggunakan kapur barus (sebagai minyak wangi) bersama dengan minyak gaharu. Nafi' berkata, "Seperti itulah cara Baginda Nabi SAW menggunakan minyak wangi." (Muslim. t.th, nombor hadis:2254).

Demikianlah maksud hadith di atas menerusi syarahan Ali Al-Qari (2002).

d. Perisa di dalam minuman

Kapur barus juga dijadikan sebagai perisa minuman, seperti *air nabis* (air yang diekstrak daripada anggur). Di bawah ini hadith yang menyebutkan khasiat kapur barus tersebut:

عَنْ مُسْلِمِ بْنِ عُمَيْرٍ، قَالَ: أُهْدِيَتْ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَرَّةٌ خَضْرَاءُ فِيهَا كَافُورٌ فَسَمَّهَا بَيْنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ، وَقَالَ: «يَا أُمَّ سُلَيْمٍ أَنْتِ بَدِي لَنَا فِيهَا».

Daripada Muslim bin Umaer, dia berkata, "Dihadiahkan kepada Rasulullah SAW teko besar yang berwarna hijau yang berisikan kapur barus. Lalu Baginda membahagikan kapur barus itu kepada kaum muhajirin dan Ansar. Kemudian, Baginda berkata, "Wahai Ummi Sulaim! Buatlah kami *air nabis* dengan campuran kapur barus ini." (Al-Tabrani, t.th, nombor hadis: 1058)

Ringkasnya, khasiat kapur barus yang dijumpai di dalam hadith seperti yang disebutkan di atas adalah:

- 1) Baik digunakan untuk memandikan mayat pada kali terakhir dimandikan dengan khasiat yang telah disebutkan.
- 2) Digunakan sebagai minyak wangi untuk mengharumkan badan.
- 3) Digunakan sebagai perisa minuman, khususnya *air nabis*.


KAPUR BARUS DI DALAM MANUSKRIP PERUBATAN MELAYU

Analisa terhadap penggunaan kapur barus dari sudut pandang kearifan masyarakat tempatan mendapati bahawa ia dijadikan sebagai salah satu bahan campuran bersama dengan herba-herba yang lain, bagi merawat penyakit-penyakit sebagaimana berikut;

- 1) Ubat cacing.
- 2) Ubat Sakit perut, cirit, atau kembung perut.
- 3) Ubat pucat.

Beberapa contoh preskripsi yang ditemui di dalam kitab perubatan Melayu dipaparkan, antaranya:

MSS 3290 [KITAB TIBB] [2r.62r]	Preskripsi untuk penyakit cacing
-----------------------------------	----------------------------------



Transliterasi

Ambil **akar barus tua**, dan akar papari, dan akar jelai batu, dan akar (tidak dapat dikesan), dan jakut, bawang putih, maka rebus, minum tiga hari, ‘afiat.

Preskripsi:

- a. **Akar barus tua.**
- b. Akar papari.
- c. Akar jelai batu.


- d. Akar (tidak dapat dikesan).
- e. Jakut.
- f. Bawang putih.

Kesemua akar pokok herba di atas direbus.

Cara Penggunaan:

Air rebusan ramuan akar herba di atas bersama dengan bawang putih diminum selama tiga hari secara berterusan.

MSS 2810 [KITAB TIB] [2r.3r]	Preskripsi untuk sakit perut, cirit, atau kembung perut.
------------------------------	--



Transliterasi

Ambil kulit pisang Malaka, maka ramas, ambil airnya, maka bubuh pisang dan **kapur** dan kunyit sedikit-sedikit sahaja, maka beri minum.

Preskripsi:


- a. Pisang Malaka.
- b. Kapur.
- c. Kunyit

Kesemua bahan tersebut dilumakkan sebelum diminum sebagai ramuan.

Cara Penggunaan:

Ramuan tersebut diminum oleh pesakit dengan kadar yang bersesuaian selepas semua bahan disebatkan.

MSS 2219 [KITAB TIB] [19r.7r]	Preskripsi untuk orang yang pucat (putih pudar) mukanya
-------------------------------	---



Transliterasi

Ambil bunga cengkih, buah pala, lada sulah, cabai jawa, sunti halia, buah Malaka, jemuju, lengkuas cina, jintan putih, anbar, kasturi sekalian itu sama beratnya sekupang-sekupang. Hanya kasturi itu berat sebusak dan **kapur barus** berat sebusak, kemukus berat semayam, gaharu seberat lima kupang dan akar kara-kara Cina berat lima kupang, cengkih berat tiga mayam, padi berat enam kupang. Sekalian itu ditumbuk kemudian maka direndang. Setelah itu, maka digiling pula lumat-lumat, maka jemur pula barang dua tiga hari kemudian digiling pula halus-halus. Setelah halus sekali, maka taruh pada suatu tempat yang baik. Tatkala hendak memakan ubat pagi-pagi dengan air madu syaratnya makan itu ditimbang berat dua mayam.

Preskripsi:

- a. Cengkih.
- b. Buah pala.
- c. Lada sulah.
- d. Cabai Jawa.
- e. Suntihalia.
- f. Buah Malaka (pisang).
- g. Jemuju.
- h. Lengkuas Cina.
- i. Jintan putih.
- j. Anbar.
- k. Kasturi.
- l. Kapur barus.

Kesemua bahan tersebut dilumatkan sebelum dimakan. Digalakkan pengambilan ramuan ini dengan air madu dengan kadar yang bersesuaian.

Cara Penggunaan:

Ramuan tersebut dimakan dengan kadar yang bersesuaian selepas semua bahan disebatikan. Pengambilan ramuan ini dengan air madu di waktu pagi.

Analisa kajian mendapati bahawa melalui asimilasi terhadap agama Islam dan budaya tempatan, mendapati bahawa i) setelah Islam datang, masyarakat Melayu tetap meneruskan amalan penggunaan kapur barus di dalam ritual agama Islam bagi urusan mandi jenazah, ii) Aplikasi kegunaan kapur barus di dalam rawatan penyakit yang berkaitan dengan sakit di dalam perut sebagaimana yang dikelolakan oleh masyarakat tempatan telah terbukti melalui kajian saintifik bahawa tumbuhan ini mempunyai sifat anti-inflamasi, anti-oxidant, anti-penuaan yang membantu membasmi kuman (Edris, 2007), dan mempunyai agen anti-bakteria yang mampu mencegah pertumbuhan bakteria (Richa Singh, Talha Jawaid, 2012), selain berkesan bagi merangsang aktiviti sistem peredaran darah, membantu mempermudah proses penghadaman. Penggunaan kapur barus di dalam minuman pula mampu membasmi kuman yang ada di dalam sistem darah manusia. Hal ini membenarkan bahawa kreativiti masyarakat Melayu di dalam mencampurkan kapur barus di dalam ramuan ubat-ubatan di atas mampu menjadi agen yang terbaik di dalam merawat penyakit yang diubati (Rashmi Mishra, 2016). Amalan-amalan penyembuhan ini selain daripada tidak lari daripada syariat Islam, ia juga menjadi idea yang bermanfaat di dalam membantu merawat fisiologi badan secara semula jadi, sekali gus mampu dipraktikkan di dalam amalan rawatan asas hari ini sebagaimana yang pernah diamalkan di dalam budaya hidup generasi terdahulu.

Kesimpulan

Kapur barus (*Cinnamomum camphora*) telah menjadi sebahagian daripada budaya ritual dan amalan masyarakat Islam dan tempatan sejak ribuan tahun dahulu lagi, sehingga beberapa kesimpulan dapat ditarik, ialah;

- 1) Kapur barus adalah perisa minuman ahli syurga menerusi tafsiran ayat 5 surah Al-Insan yang ditafsirkan oleh ahli tafsir. Bahkan, terdapat pandangan sebahagian ahli tafsir bahawa kafur adalah salah satu mata air di syurga. Walaupun demikian, sifat kapur barus yang ada di syurga adalah berbeza dengan kapur barus yang ada di dunia. Adapun sifat kafur yang sebenar di syurga hanya Allah yang tahu. Namun, sama ada kapur barus itu di syurga ataupun kapur dunia, kapur barus tetap dikenali dengan bauya yang harum.
- 2) Kapur barus yang disebutkan di dalam hadith mempunyai pelbagai khasiat, antaranya adalah perisa minuman, baik digunakan untuk membersihkan tubuh badan mayat ketika dimandikan dan digunakan sebagai minyak wangi. Menurut catatan para ilmuwan Islam, air kapur barus digunakan dalam bilasan terakhir untuk memandikan jenazah seperti dalam hadith daripada

Umm ‘Atiyyat yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dalam bab jenazah yang telah dibincangkan dalam tajuk pokok bidara sebelum ini (Abu ‘Abdullah al-Zahabiy, 1990). Sifat kapur barus yang dapat menarik dan menghilangkan bau busuk seperti sifat magnet yang menarik serbuk besi menjadikannya alasan untuk digunakan dalam bilasan mandian jenazah. Selain itu, air kapur barus juga dapat mengelakkan mayat daripada dihinggapi oleh lalat dan menjadikan mayat itu tahan lama dan tidak mudah reput. Amalan meminum air kapur barus dapat menghilangkan penyakit cirit birit. Menurut ‘Abd al-Qadir al-Raziy (1986), sekiranya kapur barus ini diletakkan dalam makanan, maka makanan tersebut tidak akan dihinggapi oleh lalat.

- 3) Kapur di dalam Manuskrip Jawi Lama mempunyai banyak kegunaan. Antaranya adalah ubat cacing, pitam (pengsan), ubat parah (bisul bernanah) di dalam perut, ubat sakit perut, cirit, atau kembung perut dan ubat pucat.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini mendapat sokongan pembiayaan daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kod geran: PPP/UCG-0116/fpqs/30/14316. Ucapan terima kasih juga kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia yang telah meluluskan NICHE RESEARCH GRANT AWARD SCHEME (NRGS), kod geran: USIM/NRGS_PROGRAM/8400/521, dengan tajuk: A Study of Preservation of Health According to Malay Manuscripts. Kesemua bahan yang berkaitan khasiat kapur di dalam Manuskrip Perubatan Melayu adalah terhasil daripada Manuskrip-Manuskrip Perubatan Melayu yang berjaya dikaji sepanjang penyelidikan ini diterajui.

RUJUKAN

- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1422 H). *Sahih Bukhari*. Tahkik Muhammad Zuhair bin Nasir Al-Nasir. Dar Tawq Al-Najah. Kitab Al-Janaiz. Bab Ghasl Al-Mayyit Wa Wudu’ih Bi Al-Ma’ Wa Al Sidr.
- Ali bin Muhammad Al-Qari. 2002. *Mirqah al-mafatih syarh misykah al-masabih*. Cet. 1. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (2001). *Jami’ al-bayan an ta’wil ayi al-Quran*. Tahkik Abdullah bin Abd Al-Muhsin Al-Turki. 1st edition. Dar Hijr.
- Al-Tabrani, Sulayman bin Ahmad bin Ayyub. t.th. *Al-Mu’jam al-kabir*. Tahkik Hamdi bin Abd Al-Majid Al-Salafi. Cet. 2. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyah.
- Azra, Azyumardi. (1994). *Jaringan ulama timur tengah dan kepulauan nusantara abad XVII-XVIII: Melacak akar-akar pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan.

- Basmeih, Abdullah bin Muhammad. (2000). *Tafsir pimpinan ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Darul Fikir, pg. 1606.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. 4th edition.
- Drakard, Jane. (1988). *Sejarah Raja-raja Baru*. Jakarta dan Bandung: Usaha Bersama Penerbit Angkasa dan Ecole Francaise D’ektreme-Orient, 31.
- Edris, Amr. (2007). *Pharmaceutical and therapeutic potentials of essential oils and their individual volatile constituents: A review*. Published online in Wiley InterScience, 308.
- Hamka, Haji Abdul Malik bin Haji Abdul Karim Amrullah. (1998). *Tafsir al-Azhar*. Vol. 29, 7790-7791. Surabaya: Yayasan Latimojong,.
- Ibn Ashur, Muhamad Al-Tahir bin Muhammad. (1984). *Al-Tahrir wa al-tanwir*. Tunisia: Al-Dar Al-Tunisia, jil 29, 381.
- Ibn Hajar Al-Asqalani, Ahmad bin Ali. (1379 H). *Fath al-Bari syarh sahih al-Bukhari*. Vol. 3, 129. Disunting oleh Muhammad Fuad Abd Al-Baqi. Beirut: Dar Al-Ma’rifah.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad bin Abd Al-Halim bin Abd Al-Salam. (1991). *Dar’u taarud al-aql wa al-naql*. Studied by Muhammad Rasyad Salim. Vol.5, 296; vol. 8, 29, 512. Saudi Arabia: Jamiah Al-Imam Muhammad bin Saud.
- Kamonthip. (2007). Local wisdom, environmental protection and community development: The clam farmers in Tambon Bangkhunsai, Phetchaburi Province, Thailand. *Manusya: Journal of Humanities*, 10(1), 1–10.
- Majma’ Al-Lugah Al-Arabiyah. (n.d). *Al-Mu’jam al-wasith*. Vol.2, 16. Dar Al-Dakwah.
- Muhammad Anwar Syah bin Muadzdzam Syah Al-Hindi. (2004). *Ikar al-mulhidin fi daruriyat al-din*. 3rd edition. Pakistan: Al-Majlis Al-Ilmi, 69-74.
- Muslim bin Al-Hajjaj Al-Qusyaeri Al-Nisaburi. t.th. *Sahih Muslim*. Tahkik Muhammad Fuad Abd Al-Baqi. Beirut: Dar Ihya’ Al-Turath Al-Arabi. Kitab AL-Janaiz. Bab Fi Ghasl Al-Mayyit.
- Nawawi Al-Bantani, Muhammad Nawawi al-jawi. (t.th.). *Marah labid li kasyf ma’na al-Quran al-Majid*. 1st. Vol.2, 587. Beirut: Dar Al-Ma’rifah.
- Nurfaisal. (2013). *Kesaksian baru dan kapur baru dalam sejarah awal Islam Nusantara*. Pekanbaru: LP2M UIN Suska Riau, 22.
- Puar, Yusuf Abdullah. (1984). *Masuknya Islam ke Indonesia*. Jakarta: CV. Indradjaja, 64.
- Rashmi Mishra. (2016). Medicinal significance of cinnamomum spp. *International Journal Of Engineering Sciences & Research Technology*, 5(7), 1-3.
- Richa Singh & Jawaid. Talha. (2012). Cinnamomum camphora (Kapur): Review. *Pharmacognosy*, 4, 1-5.
- Tantawi Jawhari. (1417 H). *Al-Jawahir fi tafsir al-Quran al-Qarim al-syamil ala ajaib ala bada’i’ al-malakutat wa gharaiib al-ayat*. Cet. 1. Vol. 21, 311. Mesir: Mustafa Al-Babi Al-Halabi Wa Awladuh.

Zuccarini, Paulo. (2009). Camphor: Risks and benefits of a widely used natural product. *Journal of Applied Sciences and Environmental Management*, 13(2), 69-74.